

**PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN TAEKWONDO  
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025  
(LELAKI DAN WANITA)**

**1.0 PERATURAN AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut peraturan **World Taekwondo (WT)**, Peraturan Pertandingan Taekwondo Malaysia (WT) dan Persatuan Taekwondo Bersatu Negeri Sabah (WT)
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
  - 1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasaskan kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
  - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada undang-undang **World Taekwondo (WT)**.
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Taekwondo Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 adalah muktamad.

**2.0 TARIKH PERTANDINGAN**

- 2.1 Pertandingan ini akan bermula pada **11 hingga 17 Oktober 2025 (TBC)**.

**3.0 TEMPAT PERTANDINGAN**

- 3.1 Pertandingan ini akan diadakan di **Dewan Maktab Rendah Sains Mara, Tawau**.

**4.0 PENYERTAAN**

- 4.1
  - a) Penyertaan adalah terbuka kepada semua penduduk *asal* Negeri Sabah dari setiap daerah.
  - b) *Ahli berdaftar dengan kelab-kelab dibawah naungan Persatuan Taekwondo Bersatu Negeri Sabah (WT)*.
  - c) *Memegang talipinggang sekurang-kurangnya Gred 2nd Gup (Merah)*.

- 4.2 Setiap pasukan daerah boleh mendaftar satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita seperti berikut :

| Jawatan                     | Pasukan Lelaki  | Pasukan Wanita  |
|-----------------------------|-----------------|-----------------|
| Pengurus Pasukan            | 1 orang         |                 |
| Jurulatih                   | 3 orang         |                 |
| Peserta (Kyorugi)           | 8 orang         | 8 orang         |
| Peserta (Recognize Poomsae) | 3 orang         | 3 orang         |
| Free Style Poomsae          | 2 orang         | 2 orang         |
| Virtual Taekwondo           | 2 orang         | 2 orang         |
| <b>Jumlah</b>               | <b>19 orang</b> | <b>15 orang</b> |

- 4.3 Satu pasukan boleh mendaftar seorang **(1) peserta** sahaja bagi **setiap kategori**.

## 5.0 KELAYAKAN PESERTA & JURULATIH

- 5.1 Hanya peserta yang lahir di antara tarikh **1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2010 (15 - 20 tahun)** sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran Pasport semasa pendaftaran peserta.
- 5.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi **Borang Y** (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.
- 5.4 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan 4.9**.
- 5.5 **Jurulatih Taekwondo setiap daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kejurulatihan Tahap 1 atau Sijil Sains Sukan Tahap 1.**

## 6.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta bersama dengan kad pengenalan yang asal untuk disahkan. **Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.**
- 6.3 Selepas taklimat tersebut sebarang permintaan pertukaran nama peserta tidak dibenarkan.

## 7.0 TIMBANGAN

- 7.1 Timbang berat bagi setiap peserta Kyorugi adalah sehari sebelum sesuatu pertandingan dimulakan.

- 7.2 Timbang berat badan rasmi untuk peserta hanya dibuat sekali sahaja. Walau bagaimanapun, timbang berat percubaan selama satu (1) jam sebelum timbang berat rasmi diadakan untuk peserta.
- 7.3 Acara timbangan hendaklah selesai dua (2) jam sebelum pertandingan pada setiap hari pertandingan.
- 7.4 Semasa menjalani acara timbangan, peserta-peserta lelaki hendaklah memakai seluar pendek dan peserta wanita memakai baju T-shirt dan seluar panjang (track bottom).
- 7.5 Mesin timbang badan akan disediakan oleh pihak Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Taekwondo Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.

## 8.0 PAKAIAN PESERTA

- 8.1 Setiap peserta hendaklah memakai pakaian Taekwondo dobok, pelindung tubuh electronic, stokin electronic, perisai tangan dan kaki, pelindung kepala, sarung tangan dan pelindung mulut *berwarna Putih atau lut sinar* seperti yang dibenarkan dalam peraturan pertandingan WT semasa memasuki kawasan pertandingan.

*\*\*Pelindung tubuh elektronik (Electronic body protector), Pelindung kepala elektronik (Electronic head gear) dan Stokin elektronik (Electronic sock) adalah disediakan.*

- 8.2 Para pengadil dan hakim pertandingan mestilah memakai pakaian seragam.
- 8.3 Peserta dilarang memakai sebarang pakaian selain daripada dobok yang mengikut spesifikasi TM.
- 8.4 Alat-alat tambahan seperti kasut, cincin, cermin mata, subang, sensor tambahan pada stoking sensor tidak dibenarkan semasa perlawanan. Peserta wanita Islam dibenarkan memakai tudung.

## 9.0 ACARA YANG DIPERTANDINGKAN

### Kategori Lelaki (Kyorugi) :

| Bil | Acara                |
|-----|----------------------|
| 1   | Tidak melebihi 54 kg |
| 2   | Tidak melebihi 58 kg |
| 3   | Tidak melebihi 63 kg |
| 4   | Tidak melebihi 68 kg |
| 5   | Tidak melebihi 74 kg |
| 6   | Tidak melebihi 80 kg |
| 7   | Tidak melebihi 87 kg |
| 8   | Melebihi 87 kg       |

**Kategori Wanita (Kyorugi) :**

| Bil | Acara                |
|-----|----------------------|
| 1   | Tidak melebihi 46 kg |
| 2   | Tidak melebihi 49 kg |
| 3   | Tidak melebihi 53 kg |
| 4   | Tidak melebihi 57 kg |
| 5   | Tidak melebihi 62 kg |
| 6   | Tidak melebihi 67 kg |
| 7   | Tidak melebihi 73 kg |
| 8   | Melebihi 73 kg       |

**Kategori Lelaki dan Wanita (Poomsae) :**

| Bil | Acara                        |
|-----|------------------------------|
| 1   | Recognized Individual Lelaki |
| 2   | Recognized Individual Wanita |
| 3   | Recognized Mix Pair          |
| 4   | Recognized Team Lelaki       |
| 5   | Recognized Team Wanita       |
| 6   | Freestyle Individual Lelaki  |
| 7   | Freestyle Individual Wanita  |
| 8   | Freestyle Mix Pair           |
| 9   | Freestyle Team               |

**10.0 PENGGUNAAN DADAH**

- 10.1 Menggunakan sebarang dadah, alkohol, ubat perangsang atau suntikan ke dalam bahagian badan, sama ada sebelum atau ketika pertandingan, kepada atau oleh peserta adalah dilarang sama sekali. Setiap peserta yang melanggar undang-undang akan dibatalkan daripada mengambil bahagian.

**11.0 SISTEM PERTANDINGAN****Kyorugi**

- 11.0 Pertandingan akan dijalankan mengikut *system* "The Best of Three" dengan menggunakan peralatan PSS (PROTECTOR SCORING SYSTEM) yang diiktiraf oleh WT.
- 11.1 Peserta perlu memenangi dua daripada tiga pusingan untuk diisytiharkan sebagai pemenang. Sekiranya peserta memenangi dua pusingan berturut-turut iaitu pusingan pertama dan kedua maka peserta akan diisytiharkan sebagai pemenang dan tiada pusingan ketiga akan diadakan.
- 11.2 Peserta juga akan diisytiharkan sebagai pemenang sekiranya pihak lawan menerima 5 potongan markah (Gam jeom) dalam satu pusingan atau menang dengan perbezaan markah sebanyak 12 dalam satu pusingan. Walau bagaimanapun perbezaan sebanyak 12 markah ini tidak diguna pakai untuk pertandingan separuh akhir dan pertandingan akhir. Tempoh setiap pusingan adalah dua (2) minit dengan masa rehat (1) minit di antara pusingan untuk kategori lelaki dan perempuan.
- 11.3 Undian secara manual atau elektronik serta jadual perlawanan akan ditetapkan di bawah kelolaan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan semasa mesyuarat pengurus pasukan.

**Recognized Poomsae**

- 11.5 Pertandingan akan dijalankan menggunakan Sistem Cut-off.
- 11.6 Bagi perlawanan awal sehingga perlawanan separuh akhir peserta dikehendaki melakukan dua (2) daripada lapan (8) Poomsae yang diwajibkan.
- 11.7 Hanya lapan (8) atlet terbaik bagi setiap kategori (Individu, Berpasangan dan Berpasukan) akan dipilih untuk mara ke perlawanan akhir mengikut purata markah kedua-dua persembahan Poomsae mereka.
- 11.8 Bagi pusingan akhir lapan (8) atlet terbaik setiap kategori akan dikehendaki melakukan baki dua daripada enam (6) Poomsae yang diwajibkan.
- 11.9 Pengecualian akan diberi sekiranya terdapat 8 atau kurang individu, pasangan atau pasukan yang mengambil bahagian dimana mereka akan layak secara automatik ke perlawanan akhir tanpa perlawanan awal dan separuh akhir.

**Free Style Poomsae (Poomsae Gaya Bebas)**

- 11.10 Poomsae Gaya Bebas merupakan persembahan berdasarkan teknik Taekwondo dengan gubahan muzik dan koreografi.
- 11.11 Teknik yang dilakukan mestilah dalam kawasan garisan sempadan gelangan iaitu bagi acara individu dan pasangan mesti dalam garisan sempadan 12 meter x 12 meter.
- 11.12 Definisi kesukaran teknik Taekwondo akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengadil TM, apabila peserta menyerahkan sampel persembahan / pelan Poomsae gaya bebas.
- 11.13 Markah peserta akan ditentukan berdasarkan kepada 5 aspek seperti berikut:
  - a) Ketinggian Lompatan (Tendangan sisi)
  - b) Bilangan tendangan dalam lompatan (Tendangan depan)
  - c) Aksi putaran semasa melakukan tendangan putaran
  - d) Tahap prestasi tendangan kombinasi gaya Kyorugi
  - e) Aksi akrobatik
- 11.14 Muzik dalam USB (Muzik tanpa lirik) dan koreografi hendaklah menjadi pilihan peserta, ia TIDAK sepatutnya mengandungi sebarang kandungan politik, sosial dan keagamaan serta apa-apa kandungan yang mempunyai unsur mendiskriminasi atau menyinggung perasaan orang lain.

**12.0 PEGAWAI TEKNIKAL PERTANDINGAN / JURULATIH**

- 12.1 Jawatankuasa Khas Teknikal akan melantik Ketua Delegat dan pegawai-pegawai Teknikal setelah berunding dengan TM/WT tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 14.1**
- 12.2 Keputusan pengadil dalam setiap pertandingan adalah muktamad.

### 13.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

#### 13.1 Bantahan semasa pertandingan

- 13.1.1. Jurulatih akan menerima kad bantahan daripada pengadil bagi setiap perlawanan, Hanya jurulatih dibenarkan membuat bantahan semasa pertandingan dijalankan dimana jurulatih boleh mengemukakan kad bantahan kepada pengadil dan memberitahu sebab bantahan dibuat. Pengadil kemudian akan mengkaji situasi dan akan memberi keputusan sama ada bantahan diterima atau ditolak. Sekiranya bantahan itu ditolak, maka kad bantahan jurulatih akan diambil dan jurulatih akan hilang peluang untuk membuat bantahan seterusnya untuk perlawanan itu.

#### 13.2 Bantahan selepas pertandingan

- 13.2.1. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah secara bertulis dan disertakan dengan bayaran sebanyak **RM 200.00** tunai.
- 13.2.2. Bayaran deposit akan lupus jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 13.2.3. *Niat bantahan hendaklah disampaikan kepada Ketua Lembaga Penyelia Pertandingan (Competition Supervisory Board - CSB) sejurus selepas perlawanan berakhir dan sebelum perlawanan seterusnya. Setiap bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Ketua Penyelia Pertandingan (Competition Supervisory Board - CSB) dalam masa tiga puluh (30) minit selepas keputusan diumumkan.*
- 13.2.4. Semua keputusan bantahan akan dimumkan pada hari yang sama.

### 14.0 JAWATANKUASA BANTAHAN / TATATERTIB (CSB)

- 14.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan Tatatertib (CSB) dan Prosedur aturcara mesyuarat seperti yang digunakan oleh Taekwondo Malaysia (WT) dan Persatuan Taekwondo Bersatu Negeri Sabah (WT) yang terdiri:
- 14.1.1 Ketua Teknikal atau wakil.
- 14.1.2 Pengerusi Pengelola Pertandingan atau wakil.
- 14.1.3 Ketua Pengadil atau wakil
- 14.0 Jawatankuasa Tatatertib akan bersidang dalam masa tiga puluh minit (30) setelah menerima laporan daripada pengadil atau pegawai pertandingan dan membuat keputusan jika tindakan tatatertib jika perlu.
- 14.1 Segala keputusan adalah muktamad.

**15.0 HADIAH-HADIAH**

15.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut:

**Kategori Lelaki (Kyorugi)**

| <b>Acara</b>                  | <b>Emas</b> | <b>Perak</b> | <b>Gangsa</b> |
|-------------------------------|-------------|--------------|---------------|
| Tidak melebihi 54 kg          | 1           | 1            | 2             |
| Tidak melebihi 58 kg          | 1           | 1            | 2             |
| Tidak melebihi 63 kg          | 1           | 1            | 2             |
| Tidak melebihi 68 kg          | 1           | 1            | 2             |
| Tidak melebihi 74 kg          | 1           | 1            | 2             |
| Tidak melebihi 80 kg          | 1           | 1            | 2             |
| Tidak melebihi 87 kg          | 1           | 1            | 2             |
| Heavy Weight (Melebihi 87 kg) | 1           | 1            | 2             |
| <b>Jumlah</b>                 | <b>8</b>    | <b>8</b>     | <b>16</b>     |

**Kategori Wanita (Kyorugi)**

| <b>Acara</b>         | <b>Emas</b> | <b>Perak</b> | <b>Gangsa</b> |
|----------------------|-------------|--------------|---------------|
| Tidak melebihi 46 kg | 1           | 1            | 2             |
| Tidak melebihi 49 kg | 1           | 1            | 2             |
| Tidak melebihi 53 kg | 1           | 1            | 2             |
| Tidak melebihi 57 kg | 1           | 1            | 2             |
| Tidak melebihi 62 kg | 1           | 1            | 2             |
| Tidak melebihi 67 kg | 1           | 1            | 2             |
| Tidak melebihi 73 kg | 1           | 1            | 2             |
| Melebihi 73 kg       | 1           | 1            | 2             |
| <b>Jumlah</b>        | <b>8</b>    | <b>8</b>     | <b>16</b>     |

**Kategori Lelaki dan Wanita (Poomsae)**

| <b>Acara</b>                 | <b>Emas</b>  | <b>Perak</b> | <b>Gangsa</b> |
|------------------------------|--------------|--------------|---------------|
| Recognized Individual Lelaki | 1            | 1            | 2             |
| Recognized Individual Wanita | 1            | 1            | 2             |
| Recognized Mix Pair          | 1(2)         | 1(2)         | 2(4)          |
| Recognized Team Lelaki       | 1(3)         | 1(3)         | 2(6)          |
| Recognized Team Wanita       | 1(3)         | 1(3)         | 2(6)          |
| Freestyle Individual Lelaki  | 1            | 1            | 2             |
| Freestyle Individual Wanita  | 1            | 1            | 2             |
| Freestyle Mix Pair           | 1(2)         | 1(2)         | 2(4)          |
| Freestyle Open Team          | 1(3)         | 1(3)         | 2(6)          |
| <b>Jumlah</b>                | <b>9(17)</b> | <b>9(17)</b> | <b>18(34)</b> |

15.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap 14.3**.

**ACARA TAMBAHAN*****Virtual Taekwondo***

1. *Pertandingan dijalankan secara Best of Three. 60 saat setiap pusingan dengan masa rehat 30 saat.*
2. *Acara dipertandingkan : Men, Women dan Mixed.*
3. *Pertandingan dijalankan sepenuhnya menggunakan peralatan VTKD.*

4. *Jumlah agihan pingat*

| <i>ACARA</i> | <i>EMAS</i> | <i>PERAK</i> | <i>GANGSA</i> |
|--------------|-------------|--------------|---------------|
| <i>MEN</i>   | <i>1</i>    | <i>1</i>     | <i>2</i>      |
| <i>WOMEN</i> | <i>1</i>    | <i>1</i>     | <i>2</i>      |
| <i>MIXED</i> | <i>1</i>    | <i>1</i>     | <i>2</i>      |

5. *Jumlah peserta setiap pasukan Men (lelaki) -1, Women (Wanita (1), Mixed (Lelaki/Wanita) – 1*